

31/10/2003

Klinik Maha kenakan bayaran agak murah

SEBUT sahaja nama Klinik Maha, pasti ramai yang mengaitkannya dengan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang juga pengasasnya.

Malah, klinik itu menjadi tumpuan ramai khususnya orang Melayu kerana ia diusahakan oleh doktor Melayu, selain menawarkan harga yang agak murah.

Pada masa itu, Klinik Maha turut menjadi tumpuan ibu bapa yang agak berada untuk mengkhatakan anak mereka kerana Dr Mahathir dikatakan pandai memujuk kanak-kanak yang ketakutan menghadapi detik itu.

Antara petugas awal di Klinik Maha di lokasi awalnya di Jalan Tunku Ibrahim adalah jururawat, Aishah Abdullah (gambar) yang bekerja di situ bagi membantu keluarganya.

"Saya bersyukur diterima kerja oleh Dr Mahathir kerana niat saya adalah untuk membantu perbelanjaan keluarga," kata Aishah.

Aishah, 63, bekerja di klinik itu selama 12 tahun dari 1957 hingga 1969 dan sepanjang tempoh itu banyak yang dipelajarinya daripada doktor Melayu pertama di bandar Alor Star itu.

Antara yang sukar dilupai adalah sikap Dr Mahathir yang begitu menghargai masa sehingga petugas sendiri segan untuk tiba lewat.

"Walaupun klinik dibuka pada jam 8.30 pagi, Dr Mahathir selalu datang lebih awal daripada petugas lain.

"Beliau tidak akan duduk diam di klinik sebaliknya menghabiskan masa dengan membaca dan menulis," katanya.

Aishah berkata, Dr Mahathir adalah seorang yang tegas dan serius ketika bertugas dan tidak suka melayan orang yang cuba menipu.

"Pernah seorang kakitangan kerajaan datang berjumpa Dr Mahathir untuk mengambil cuti sakit walaupun dia tidak sakit.

"Dr Mahathir dengan serius bangkit dari kerusinya dan membuka pintu biliknya lalu mengarahkan kakitangan itu keluar.

"Tindakan itu amat mengejutkan saya kerana tidak menyangka Dr Mahathir bertindak begitu tetapi itulah sikapnya yang tidak suka kepada penipuan," katanya.

Aishah juga berkata, Dr Mahathir adalah seorang yang tidak suka bercakap banyak dan antara ungkapan yang sering dikatakan kepada petugas klinik yang melakukan kesilapan atau lalai ketika bekerja dengannya adalah 'penyegan' (pemalas).

Bagaimanapun, Aishah berkata, sungguhpun Dr Mahathir seorang yang tegas, beliau amat prihatin terhadap pekerjaanya.

"Ketika saya mengandung anak pertama, saya sering pening dan muntah. Dr Mahathir kemudian menasihatkan saya supaya membuat kerja ringan seperti menjadi penyambut tetamu.

"Peristiwa yang tidak saya dapat lupakan ialah ketika mengandung, Dr Mahathir sendiri menghantar saya pulang ke rumah dengan kereta walaupun pada masa sama, suami saya datang menjemput dengan motosikal, kerana bimbang sesuatu terjadi dalam perjalanan," katanya.

Aishah berkata, Dr Mahathir tidak lokek untuk mengeluarkan wang dan kadang-kadang membeli makanan untuk petugas jika mereka tidak sempat pulang ke rumah untuk makan tengah hari khususnya ketika ramai pesakit di klinik.

Katanya, antara makanan yang digemari oleh Dr Mahathir adalah nasi goreng, roti bakar dan teh panas.

(END)